

**Phahrolrazi Dan Dr Ismail Akur Arahan Pusat Terima Jawatan Exco
Bernama
5 Mac, 2012**

ALOR SETAR, 5 Mac (Bernama) -- Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kedah Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Timbalan Pesuruhjaya II Datuk Dr Ismail Salleh akur dengan arahan PAS Pusat untuk dilantik semula sebagai Exco Kerajaan Negeri Kedah.

Phahrolrazi dan Dr Ismail juga akur dengan keputusan PAS Pusat mengenai penubuhan Jawatankuasa Pemandu pentadbiran kerajaan negeri bagi menyelesaikan kemelut dengan Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

"Setelah berbincang dengan Dewam Ulama PAS Kedah selaku penasihat, saya terima dengan senang hati arahan dilantik semula sebagai Exco. Kalau tidak terima dengan senang hati, saya jadi orang yang kecewa," kata Phahrolrazi pada sidang akhbar di rumahnya di Taman Gunung Perak di sini, Isnin.

Beliau berkata matlamatnya juga tercapai untuk melihat penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang dicadangkan PAS Pusat kerana keputusan yang dibuat Menteri Besar boleh disemak dan tiada lagi kuasa pemutus apabila wujud perbezaan pendapat dalam soal pentadbiran negeri.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali mengumumkan di Kuala Lumpur hari ini tiga keputusan bagi menyelesaikan kemelut iaitu Azizan terus menjadi Menteri Besar sehingga tamat tempoh; Phahrolrazi dan Dr Ismail dilantik semula; dan Jawatankuasa Pemandu ditubuhkan bagi memantau pentadbiran kerajaan Kedah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650114>